

INKUBATOR INCUSPACE POLITEKNIK MELAKA: PLATFORM MELAHIRKAN USAHAWAN MUDA BERDAYA SAING

MELAKA, 16 OKTOBER 2025 - Politeknik Melaka meneruskan komitmen dalam memperkasa bidang keusahawanan melalui pelancaran Inkubator INCUSPACE Politeknik Melaka yang diadakan di Pusat Pelajar Politeknik Melaka hari ini.

Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh **Yang Berhormat Tuan Alex Seah Shoo Chin, Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Kesidang.**

Penubuhan Inkubator INCUSPACE ini merupakan inisiatif strategik bagi menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar serta usahawan muda untuk mengembangkan potensi diri dalam bidang keusahawanan. Melalui kemudahan dan bimbingan yang disediakan, para peserta berpeluang memperkukuh ilmu dan kemahiran perniagaan selain menerima panduan dalam aspek inovasi, pemasaran serta pengurusan syarikat secara holistik.

Menurut Yang Berhormat Tuan Alex Seah Shoo Chin dalam ucapan perasmian beliau, penubuhan Inkubator INCUSPACE Politeknik Melaka merupakan usaha signifikan dalam melahirkan generasi muda yang kreatif, berdaya tahan dan mampu bersaing di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Beliau menegaskan bahawa para pelajar tidak seharusnya sekadar menjadi pencari kerja, sebaliknya perlu tampil sebagai pencipta peluang pekerjaan yang berani mengambil risiko, mencetus idea baharu serta membina empayar perniagaan yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Tambah beliau, kejayaan Inkubator Keusahawanan ini menuntut kerjasama dan sokongan padu daripada pelbagai pihak termasuk industri, agensi pembiayaan, mentor berpengalaman serta kesungguhan dan daya juang tinggi daripada pelajar sendiri. Dengan sinergi tersebut, Inkubator INCUSPACE diyakini mampu menjadi pemangkin kepada lahirnya lebih ramai usahawan muda yang inovatif, berdaya saing dan mampan.

Selepas menyempurnakan ucapan perasmian, YB Tuan Alex Seah turut melaksanakan gimik pelancaran Inkubator INCUSPACE melalui pemotongan riben bunting dan menandatangani plak perasmian sebagai simbolik pelancaran rasmi. Beliau kemudiannya meneruskan lawatan ke ruang Inkubator bagi meninjau fasiliti, aktiviti dan hasil inovasi pelajar yang bernaung di bawah program tersebut.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak Politeknik Melaka atas usaha berterusan dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan negeri Melaka. Beliau berharap agar Inkubator ini menjadi platform yang kondusif untuk menyemai benih kejayaan serta memperkasakan budaya keusahawanan dalam kalangan generasi muda.

Penubuhan Inkubator INCUSPACE ini turut selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam memperkasa agenda Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi yang berteraskan kepada pembentukan graduan holistik, berciri keusahawanan serta seimbang antara ilmu, kemahiran dan sahsiah.

-TAMAT-

Politeknik Melaka
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Tel : 013-6063018 (Amizan) / 06-3376000/6069